

POLISI PRIVASI DATA PERIBADI EDUR PUMPS & SYSTEMS SDN BHD

§ 1 Am

Terima kasih kerana melawati laman web kami. EDUR yakin untuk melindungi maklumat anda dan menghormati privasi anda. Polisi privasi ini menjelaskan kaedah-kaedah EDUR Pumps & Systems Sdn. Bhd. ("EDUR") mengumpul, memegang, menggunakan, memproses dan mendedahkan data peribadi anda.

Dengan melawati laman web Edur atau membekalkan EDUR dengan maklumat peribadi anda, anda bersetuju bahawa data peribadi anda dikumpulkan, disimpan, digunakan, diproses dan didedahkan seperti yang dijelaskan dalam polisi privasi ini. Polisi privasi ini hanya terpakai kepada laman web kami sahaja. Sekiranya anda diarahkan ke halaman yang lain melalui pautan di halaman kami, silakan membiasakan diri dengan penggunaan data anda di sana.

§ 2 Jenis dan kaedah maklumat peribadi yang dikumpulkan

Kami hanya mengumpul maklumat tertentu daripada anda apabila maklumat tersebut diperuntukkan kepada kami, seperti ketika anda: (1) emel kami; (2) hubungi kami melalui borang hubungan kami di laman web (3) membuat pesanan; (4) melengkapkan kaji selidik atau ulasan produk dalam talian; dan / atau (5) menyertai salah satu promosi kami secara talian. Maklumat yang kami kumpulkan daripada anda termasuk gelaran, nama, umur, alamat, nombor telefon, alamat e-mel dan maklumat pembayaran anda.

Pemberian maklumat anda adalah sukarela - jika anda memilih untuk tidak memberi kami maklumat peribadi anda atau sebarang maklumat lain yang diminta, kemungkinannya kami tidak boleh memproses permintaan anda.

Anda juga boleh berurusan dengan Edur tanpa mengenal pasti diri anda (misalnya tanpa mendedahkan nama anda atau menggunakan nama samaran) dalam keadaan tertentu, contohnya ketika anda membuat penyelidikan umum tentang produk atau layanan Edur. Jika anda ingin berbuat demikian, sila hubungi kami untuk mengetahui sama ada ini boleh dilaksanakan dalam situasi anda.

§ 3 Tujuan memegang dan menggunakan data peribadi

Kami akan memproses data peribadi anda setakat yang diperlukan, iaitu (i) untuk melaksanakan perjanjian anda dengan kami atau untuk mengambil langkah-langkah atas permintaan anda sebelum membuat perjanjian dengan kami; (ii) untuk menjawab dan mengendalikan pertanyaan anda; (iii) untuk memproses pesanan masa depan; (iv) untuk penjualan pos secara langsung (v) untuk mematuhi obligasi undang-undang kami; atau (vi) untuk tujuan kepentingan kami, termasuk mengendalikan, menilai dan meningkatkan perniagaan kami; menghalang dan melindungi kami dan orang lain daripada penipuan, urus niaga tanpa kebenaran, tuntutan dan liabiliti lain; dan memastikan pematuhan di bawah undang-undang komersial dan cukai, dasar syarikat dan piawaian industri. Seperti yang dikehendaki di bawah undang-undang, kami berwaspada mengimbangkan kepentingan perniagaan kami terhadap hak perlindungan data anda.

§ 4 Tempoh pengekalan data peribadi

Kami hanya akan menyimpan data peribadi anda selama yang perlu untuk memenuhi tujuan pengumpulan data tersebut, kecuali jika dikehendaki oleh undang-undang. Sila hubungi kami melalui butiran hubungan kami yang disediakan di bawah, jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan amalan pengekalan data kami.

§ 5 Pendedahan maklumat peribadi

EDUR tidak menjual, menyewa atau memindahkan data peribadi anda. Walau bagaimanapun, EDUR akan berkongsi data peribadi anda dengan:

- (1) Entiti-entiti dalam Kumpulan Edur, termasuk pekerja, sekutu dan subsidiari-subsidiari EDUR, mana yang diperlukan atau adalah wajar untuk EDUR untuk mendedahkan data peribadi sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (2) Penyedia perkhidmatan untuk penjualan langsung untuk membenarkan komunikasi mengenai produk, perkhidmatan dan pesanan EDUR di dalam atau di luar Malaysia;
- (3) Penyedia penyelesaian Infrastruktur, Platform atau perkhidmatan Software-as-a-Service, perkhidmatan pembangunan perisian, perkhidmatan penyelenggaraan sistem maklumat, perkhidmatan pengurusan rakaman atau perkhidmatan pemasaran di dalam atau di luar Malaysia; dan
- (4) Pihak berkuasa kerajaan atau pihak ketiga yang lain, jika dikehendaki oleh undang-undang atau yang semunasabahnya diperlukan untuk melindungi hak, kepentingan undang-undang, harta atau keselamatan orang lain atau Edur sendiri.

§ 6 Maklumat mengenai "cookies"

Kami menggunakan "cookies" di laman web kami untuk memastikan bahawa lawatan anda ke laman web kami adalah mesra pengguna, menarik dan untuk membenarkan penggunaan fungsi tertentu. "Cookies" adalah fail teks kecil yang disimpan di dalam komputer anda. Kebanyakan daripada "cookies" yang digunakan di laman web kami akan dipadamkan secara automatik daripada cakera keras anda selepas anda selesai menggunakan laman web (dikenali sebagai "sesi cookies"). "Cookies" lain akan kekal dan mengesan pelayar anda jika anda melawati laman web kami sekali lagi untuk meningkatkan keramahtamahan penggunaan laman web kami (dikenali sebagai "persistent cookies").

Sebagai pengguna, anda mempunyai kawalan penuh terhadap penggunaan "cookies". Dengan mengubah tetapan dalam pelayar internet anda, anda boleh menghilangkan keupayaan atau menyekatkan penghantaran "cookies". "Cookies" yang telah disimpan boleh dipadamkan pada bila-bila masa. Ini juga boleh berlaku secara automatik. Jika "cookies" dihilangkan keupayaan pada laman web kami, anda bermungkinan tidak dapat menggunakan ciri-ciri laman web sepenuhnya. Jika anda tidak mahu "cookies" kami disimpan di dalam komputer anda, sila menghilangkan keupayaan penyimpanan "cookies" di dalam pelayar anda untuk laman web kami

atau menetapkan pelayar anda supaya "cookies" tidak disimpan secara amnya di dalam komputer anda.

§ 7 Google Analytics

Laman ini mengumpul dan menyimpan data untuk tujuan pemasaran dan pengoptimuman dengan menggunakan teknologi berasaskan "cookies" dari Google Analytics, perkhidmatan analisis web dari Google Inc., 1600 Amphitheatre Parkway, Mountain View, CA 94043 USA ("Google"). Dengan data ini, profil pengguna boleh dicipta di bawah nama samaran. "Cookies" membenarkan pengenalan pelayar web yang digunakan. Maklumat yang diperolehi daripada "cookies" ini, seperti masa, tempat dan kekerapan kunjungan anda ke laman web kami, termasuk alamat IP anda, dihantar ke lokasi Google di Amerika Syarikat dan disimpan di sana. Kami menggunakan Google Analytics dengan ciri ketanpanamaan IP di laman web kami. Oleh sedemikian, Google menyingkat dan melaksanakan ketanpanamaan alamat IP anda sebelum memindahkannya ke bidang kuasa lain. Data yang dikumpul dengan teknologi Google Analytics tidak akan digunakan tanpa persetujuan eksplisit individu yang berkenaan; data tersebut tidak akan digunakan untuk mengenal pasti secara peribadi pelawat laman web ini dan data tersebut tidak akan digabungkan dengan data peribadi mengenai pengguna nama samaran.

Pengumpulan dan penyimpanan data ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa dengan kesan masa depan. Dalam kes ini, "cookies" disimpan di dalam komputer anda untuk menunjukkan kepada kami bahawa anda tidak ingin menggunakan Google Analytics, selagi "cookies" ini disimpan di dalam computer anda. Tolong jangan memadamkan "cookies" ini sekiranya anda ingin mengekalkan bantahan anda.

§ 8 Keselamatan maklumat peribadi

EDUR mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk melindungi maklumat peribadi yang dipegang daripada penyalahgunaan, kehilangan dan campur tangan dan dari akses, pengubahsuaian atau pendedahan yang tidak dibenarkan.

EDUR akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memusnahkan atau memastikan bahawa maklumat yang dipegang tidak dapat mengenalpasti apa-apa individu jika maklumat tersebut tidak diperlukan untuk tujuan perniagaan Edur dan dibenarkan oleh undang-undang untuk berbuat demikian.

§ 9 Maklumat sensitif

EDUR tidak akan mengumpul maklumat yang sensitif, istilah sepertimana yang diperuntukkan dalam undang-undang privasi (termasuk maklumat yang berkaitan dengan perkauman atau etnik, keanggotaan badan politik, agama atau kesatuan sekerja, rekod jenayah, keadaan kesihatan atau sejarah perubatan). Edur hanya akan mengumpul maklumat sensitif jika diperlukan oleh undang-undang atau dengan persetujuan anda. Sekiranya Edur memegang

sebarang maklumat peribadi sensitif, maklumat itu hanya akan digunakan dan didedahkan oleh EDUR untuk tujuan yang diberikan.

Sekiranya EDUR meminta maklumat sensitif, EDUR akan memberikan penjelasan permintaan tersebut.

§ 10 Hak-hak anda

Hak-hak anda di bawah undang-undang termasuk akses kepada data peribadi anda yang diproses oleh kami, hak untuk membetulkan data peribadi anda. Jika kami telah memperoleh persetujuan anda untuk memproses data peribadi anda, anda berhak untuk menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa. Hal ini tidak akan menjejaskan kesasihan pemprosesan yang telah dilaksanakan berdasarkan persetujuan anda sebelum ini. Untuk melaksanakan hak-hak ini, anda harus membuat permintaan bertulis menggunakan butiran hubungan kami seperti yang dinyatakan di bawah.

Anda juga berhak membantah, pada bila-bila masa, pemprosesan data peribadi anda untuk tujuan yang dinyatakan di atas. Jika kami memproses data peribadi anda untuk tujuan penjualan langsung, anda mempunyai hak untuk membantah pada bila-bila masa untuk pemprosesan sedemikian. Jika anda membantah pemprosesan untuk tujuan penjualan langsung, kami tidak akan memproses data peribadi anda untuk tujuan tersebut.

§ 11 Modifikasi privasi polisi ini

EDUR boleh meminda polisi ini dari semasa ke semasa, dan polisi yang dipinda akan diterbitkan di laman web EDUR. Sila semak laman web EDUR dari semasa ke semasa untuk dimaklumkan mengenai perubahan-perubahan kepada polisi ini. Jika anda terus mengguna laman web atau perkhidmatan Edur atau mendedahkan maklumat peribadi selanjutnya kepada EDUR selepas polisi ini telah dipinda, anda dianggap bersetuju dengan terma-terma polisi yang dipinda.

§ 12 Kaedah membuat aduan

Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai pelanggaran polisi ini atau prinsip privasi yang diperolehi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA") atau sebarang undang-undang privasi data yang berkenaan, anda boleh menghubungi Edur menggunakan butiran perhubungan di bawah. Anda perlu memberi butiran yang mencukupi mengenai aduan anda dan juga bukti serta maklumat sokongan.

§ 13 Hubungi Edur

Sekiranya anda mempunyai sebarang komen atau pertanyaan tentang EDUR dan notis privasi ini, atau jika anda ingin kami mengemaskinikan sebarang maklumat yang kami ada mengenai anda, atau untuk melaksanakan mana-mana hak anda, anda boleh menghubungi Allan Tan di

kaunter tempatan anda melalui borang hubungan edur-asean.com./contact-us, melalui telefon di +60-3-92351957/60-127279766 , melalui e-mel di a.tan@edur.de atau melalui surat: Edur Pumps & Systems Sdn Bhd, German Business Centre, Lot 20-01, Level 20, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.